



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA PILAH  
KOMPLEKS PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN  
72000 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi membuat tawaran pada masa ini bagi bekalan seperti berikut:

<b>Tajuk dan No. Sebutharga</b>	<b>Tempoh Sebut harga</b>	<b>Kepala/ sub-Kepala</b>	<b>Tarikh Tutup Sebut harga</b>	<b>Harga Sebutharga (RM)</b>
Sebut harga Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Bangunan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Daerah Kuala Pilah.  No. Sebutharga <b>PDKP 28/2019</b>	1 Mei 2019 hingga 30 April 2021	220801	18.4.2019	30.00

2. Dokumen sebut harga boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah ( Bahagian Khidmat Pengurusan) mulai **8 hingga 18 April 2019** dengan harga **RM 30.00** pada waktu seperti berikut:

**Isnin hingga Khamis:** Jam 9.00 Pagi – 12.30 Tengahari  
2.30 Petang – 4.30 Petang  
**Jumaat** : Jam 9.00 Pagi – 12.00 Tengahari.  
3.00 Petang – 4.30 Petang

3. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini, pembekal hendaklah membawa Sijil Kewangan Malaysia (Asal) atau Salinan Yang Diakui Sah. Surat perwakilan pembekal adalah diwajibkan bagi wakil yang hadir bagi pembelian sebut harga.

4. Dokumen Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis Nombor Sebutharga, Nama Sebutharga dan Tarikh Tutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada tarikh tersebut sebelum jam **12.00 tengahari 18 April 2019 (Khamis)** di Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah. Dokumen sebut harga perlu disertakan bersama **Pendaftaran, Penyata Kewangan Syarikat dan Profil Syarikat.**

5. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

6. Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Laman Sesawang Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Pilah ( <http://pilah.ns.gov.my>). Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh diantara satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebut harga. Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Laman Sesawang PDTKP adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga tersebut.

7. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut bolehlah berhubung terus dengan jabatan ini pada waktu pejabat.

Tarikh:..... 8/4/2019 .....

